

Prestasi turun naik mata wang tempatan disebabkan persekitaran luar

BNM tidak akan tambat ringgit

KUALA LUMPUR

Bank Negara Malaysia (BNM) tidak akan menambat ringgit meskipun prestasi turun naik tidak menentu mata wang tempatan itu disebabkan persekitaran luaran.

Gabenor BNM, Datuk Muhammad Ibrahim berkata, paras ringgit tidak boleh ditentukan oleh keadaan spekulatif sebaliknya ia perlu disokong dan ditentukan oleh asas-asas dasar seperti urusan niaga yang dikontrakkan oleh bank-bank setiap hari.

"Tolong jangan tentukan harga ringgit tidak selaras dengan asas-asas yang sepatutnya. Ini mungkin memerlukan panduan tertentu yang bank-bank tidak seharusnya melakukan perkara tertentu buat sementara waktu.

"Kita tidak mahu pasa-



MUHAMMAD (dua dari kanan) menjelaskan keadaan nilai ringgit pada sidang akhbar bagi mengumumkan prestasi ekonomi Malaysia suku ketiga 2016 di BNM, Kuala Lumpur semalam.

ran ditentukan oleh perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan asas-asas ekonomi Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengumumkan pertumbuhan ekonomi Malay-

sia yang berkembang 4.3 peratus dalam suku ketiga tahun ini di sini semalam.

Ringgit ditutup sangat rendah berbanding dolar AS semalam berikutan kejatuhan harga minyak serta jangkaan Rizab Persekutuan AS akan

menaikkan kadar faedah pada Disember ini.

Pada pukul 6 petang semalam, mata wang tempatan itu diniagakan 4.2800/2900 berbanding dolar AS daripada 4.2700/2790 pada Khamis lalu.

Muhammad berkata, ringgit akan terus berdepan situasi turun naik disebabkan oleh keadaan tidak menentu persekitaran luaran.

"Meskipun semua mata wang serantau terjejas oleh keadaan tidak menentu bagi penentuan masa penormalan kadar faedah AS, ringgit dan mata wang negara pengeksport komoditi lain berdepan dengan pelarasan tambahan disebabkan oleh harga minyak mentah yang amat tidak menentu semasa suku tersebut," katanya. — Bernama

INFO

Tambatan ringgit

● Pentadbiran Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad menambat ringgit pada kadar RM3.80 bagi satu dolar Amerika Syarikat (AS) pada 1998.

● Langkah itu berjaya menyelamatkan Malaysia dalam krisis kewangan dan ekonomi Asia Timur pada 1997-1998.

● Tambatan ringgit dimansuhkan pada 21 Julai 2005 semasa pentadbiran Perdana Menteri kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan kerajaan telah mengapungkan ringgit secara terus berbanding sekumpulan mata wang asing terpilih.

● Pada 20 September 2008, sekali lagi Mahathir mencadangkan supaya tambatan ringgit diperkenalkan semula untuk mengurangkan impak krisis subprima AS tetapi kerajaan tidak melaksanakannya.

Tujuan tambatan

● Sekat aktiviti spekulasi mata wang.

● Elak keadaan terlebih tawaran terhadap ringgit di luar negara.

● Kekang inflasi dan menstabilkan ringgit serta keyakinan pasaran.

● Pelabur dapat tahu kedudukan kewangan mereka dan dengan itu urusan ekonomi akan menjadi lebih lancar.

Keburukan tambatan

● Aktiviti pengurusan yang rumit dan mahal kerana Bank Negara Malaysia (BNM) terpaksa 'mengawal' mata wang

KOSMO
12/11/16
MLS 3

Asas ringgit masih kukuh walaupun susut

KUALA LUMPUR - Asas ringgit masih kukuh walaupun susut sedikit pada pukul 10 pagi semalam ekoran berita pengeluaran minyak oleh Amerika Syarikat (AS), kata seorang peniaga.

Pada pukul 10 pagi, ringgit disebut harga pada 4.5375 berbanding dolar AS daripada 4.2670 pada pembu-

kaan semalam namun mengukuh semula kepada 4.3745 pada 11.21 pagi.

Penolong Pengurus Wakil Peniaga Maybank Investment Bank Bhd., Ahmad Ruim Mohd. Noor memberitahu *Bernama*, penjualan tercetus disebabkan dasar AS ke atas pengeluaran minyak dengan negara itu mahu memberi tumpuan ke atas

pengeluaran minyak untuk kegunaan sendiri.

"Keputusan ini telah memberi kesan ke atas negara-negara pengeluar minyak seperti Malaysia," katanya.

Ahmad Ruim berkata, ringgit bagaimanapun kembali stabil selepas dibuka lebih tinggi berbanding dolar AS semalam.

Negara Malaysia (BNM) terpaksa 'mengawal' mata wang tempatan supaya sentiasa berada pada tahap yang ditetapkan.

● BNM terpaksa menyediakan simpanan mata wang asing yang tinggi bagi memastikan simpanan mencukupi untuk proses menjual atau membeli ringgit di pasaran.

● Sukar bagi bank pusat untuk mengawal mata wang yang akhirnya mungkin memberi implikasi buruk seperti yang berlaku ke atas mata wang bath Thailand pada 1997 yang ketika itu mengamalkan rejim tambatan.

● Thailand terpaksa mengapungkan baht disebabkan ketidakmampuan bank pusatnya menampung susut nilai mata wang tersebut yang mencecah 20 peratus sekali gus mencetuskan krisis kewangan Asia pada 1997.

Dolar AS kukuh lepas Trump menang punca ringgit lemah



KIM LENG

KUALA LUMPUR - Pergerakan ringgit yang tidak menentu dalam pasaran tukaran mata wang asing adalah disebabkan pengukuhan dolar Amerika Syarikat (AS) susulan kemenangan Donald Trump sebagai Presiden AS yang ke-45 kelmarin.

Pensyarah Ekonomi Sunway University Business School, Dr. Yeah Kim Leng berkata, dengan seluruh dunia kini tertumpu kepada langkah Trump dalam melaksanakan dasar baharunya, ia memberi impak kepada kebanyakan mata wang pasaran baru

muncul yang menerima tekanan ekoran pengukuhan dolar AS.

Katanya, kemungkinan itu membabitkan dasar dalam sektor korporat, cukai, dagangan, polisi fiskal serta kadar faedah yang diramalkan dinaikkan oleh Rizab Persekutuan AS.

"Ia telah menyebabkan dolar AS mengukuh berbanding mata wang-mata wang utama dunia, sekali gus melemahkan ringgit," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, Naib Presiden Kanan Penyelidikan dan Hubungan Pelabur United Overseas Bank, Julia Goh berkata, di sebalik ketidaktentuan yang melanda, pihaknya menjangkakan ringgit berada pada paras 4.15 berbanding dolar AS menjelang akhir tahun ini.

Bagaimanapun, beliau berkata, dalam tempoh beberapa minggu akan datang, ringgit dijangka didagangkan dalam lingkungan 4.22 hingga 4.28 berbanding mata wang AS.



JULIA